

NO. SOALAN: 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]

TARIKH : 13 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7208

SOALAN:

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan dan penganugerahan kewarganegaraan Malaysia dalam tempoh 1990-2014 mengikut spesifikasi umur, jantina dan negara asal. Apakah langkah-langkah Kementerian dalam memastikan setiap permohonan adalah tulen dan apakah tempoh masa yang diambil untuk proses Tapisan Keselamatan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Kementerian Dalam Negeri, jumlah permohonan kewarganegaraan Malaysia daripada warga asing dari tahun 1990 sehingga 15 September 2014 mengikut umur, jantina dan negara asal adalah seperti berikut:

i. Mengikut Umur

| BIL. | UMUR (TAHUN) | JUMLAH PERMOHONAN |
|---------------------------|---------------------|--------------------------|
| 1. | 11 hingga 20 | 88 |
| 2. | 21 hingga 30 | 9,294 |
| 3. | 31 hingga 40 | 18,685 |
| 4. | 41 hingga 50 | 24,141 |
| 5. | 51 hingga 60 | 19,857 |
| 6. | 61 tahun ke atas | 17,043 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 89,108 |

Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia

Tarikh Kemas Kini : 15 September 2014

ii. Mengikut Jantina

| BIL. | Jantina | JUMLAH PERMOHONAN |
|---------------------------|------------------|--------------------------|
| 1. | Lelaki | 40,338 |
| 2. | Perempuan | 48,770 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 89,108 |

Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia

Tarikh Kemas Kini : 15 September 2014

iii. Mengikut tiga (3) negara luar tertinggi

| BIL. | NEGARA LUAR | JUMLAH PERMOHONAN |
|-------------|--------------------|--------------------------|
| 1. | Indonesia | 36,179 |
| 2. | India | 8,156 |
| 3. | Cambodia | 5,500 |

Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia

Tarikh Kemas Kini : 15 September 2014

Manakala jumlah penganugerahan kewarganegaraan Malaysia kepada warga asing dalam tempoh yang sama mengikut kategori tersebut adalah seperti berikut:

i. Mengikut Umur

| BIL. | UMUR (TAHUN) | JUMLAH PENGANUGERAHAN (ORANG) |
|---------------------------|---------------------|--|
| 1. | 11 hingga 20 | 21 |
| 2. | 21 hingga 30 | 4,211 |
| 3. | 31 hingga 40 | 11,656 |
| 4. | 41 hingga 50 | 18,864 |
| 5. | 51 hingga 60 | 14,643 |
| 6. | 61 tahun ke atas | 10,700 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 60,095 |

Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia

Tarikh Kemas Kini : 15 September 2014

ii. Mengikut Jantina

| BIL. | Jantina | JUMLAH PENGANUGERAHAN (ORANG) |
|---------------------------|----------------|--|
| 1. | Lelaki | 22,880 |
| 2. | Perempuan | 37,215 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 60,095 |

Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia

Tarikh Kemas Kini : 15 September 2014

iii. Mengikut tiga (3) negara luar tertinggi

| BIL. | NEGARA LUAR | JUMLAH PENGANUGERAHAN (ORANG) |
|-------------|--------------------|--|
| 1. | Indonesia | 23,298 |
| 2. | India | 6,183 |
| 3. | Cambodia | 3,084 |

Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia

Tarikh Kemas Kini : 15 September 2014

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam memproses dan mempertimbangkan permohonan kewarganegaraan Malaysia daripada warga asing, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Pendaftaran Negara mengambil beberapa langkah untuk memastikan ketulenan permohonan tersebut. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- i. Pemohon dikehendaki untuk hadir sendiri di hadapan Pendaftar Warganegara bagi mengemukakan permohonan kewarganegaraan Malaysia kerana ia melibatkan proses merekodkan cap ibu jari;**
- ii. Pegawai Jabatan Pendaftaran Negara akan membuat pengesahan terhadap pemilikan Permit Masuk dan Kad Pengenalan Merah bertaraf Pemastautin Tetap (MyPR) serta**

memastikan semua salinan dokumen yang dikemukakan disahkan sama dengan dokumen asal;

- iii. Pemohon dikehendaki untuk menduduki temuduga yang telah ditetapkan; dan**
- iv. Pegawai Jabatan Pendaftaran Negara akan menyelaras dan bekerjasama dengan agensi lain seperti Jabatan Imigresen Malaysia untuk memastikan kesahihan dokumen perjalanan pemohon.**

Mengenai tempoh yang diambil oleh pihak Polis Diraja Malaysia untuk memproses tapisan keselamatan, tiada tempoh masa yang ditetapkan memandangkan sesuatu tapisan yang dibuat adalah bergantung kepada latar belakang pemohon. Walau bagaimanapun, bagi tapisan keselamatan yang telah selesai dilakukan, maka lazimnya tapisan tersebut akan dipanjangkan kepada pihak yang berkenaan dengan kadar segera.